

KENYATAAN MEDIA

23 NOVEMBER 2018

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

Suruhanjaya Tenaga Anjur Projek Penanaman Bakau Sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat

Putrajaya, 23 November – Seramai 50 warga kerja Suruhanjaya Tenaga (ST) telah menyertai Program Penanaman Paya Bakau di Kuala Selangor Nature Park (KSNP), Kuala Selangor semalam, sebagai salah satu Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) organisasi.

Program yang julung kali diadakan itu dijalankan sebagai salah satu inisiatif ST dalam memelihara dan memulihara alam sekitar, terutama hutan paya bakau, satu spesies tumbuhan unik yang penting dalam mengimbangi ekosistem bumi.

Pengarah Perancangan Strategik dan Komunikasi ST, Kamarul Ariffin Ibrahim berkata sebagai badan kawal selia sektor tenaga negara, ST sentiasa mendukung matlamat pembangunan lestari, bukan saja untuk sektor tenaga tetapi juga untuk alam sekitar secara keseluruhan.

Beliau berkata objektif utama aktiviti penanaman pokok bakau dapat menjadikan persisiran pantai negara sebagai satu kawasan lindungan semulajadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam, hakisan dan juga perubahan iklim.

“Tanggungjawab menjaga alam sekitar merupakan tanggungjawab bersama. Melalui usaha ini, kami berharap warga ST dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar terutama hutan paya bakau ini, dan semoga kesedaran ini turut dipanjangkan kepada kaum keluarga dan kenalan mereka yang lain.”

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

“Kami juga berharap dapat menjadi inspirasi untuk organisasi-organisasi lain untuk turut menjalankan tanggungjawab yang sama dan mengambil langkah proaktif untuk melindungi alam sekitar,” katanya.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali

Unit Komunikasi Korporat

Tel: +603-8870 8500/8554/8598/+6013 2183778 (Zairulliati)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my / zairulliati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.